



**ATLET wusyu (dari kiri) Wong Weng Son, Phoon Eyin dan Loh Yin Ting menunjukkan pingat yang mereka menangi dalam Kejohanan Dunia di Kazan, Rusia setelah tiba di KLIA, Sepang semalam.**

## **WUSYU NEGARA CEMERLANG DALAM KEJOHANAN DUNIA**

UTUSAN  
MALAYSIA  
6/10/2017  
P. 31

**KUALA LUMPUR 5 Okt.** - Skwad wusyu negara menutup tirai 2017 dengan cemerlang apabila meraih dua pingat emas dalam Kejohanan Wusyu Dunia ke-14 di Kazan, Rusia yang merupakan kejohanan terakhir untuk tahun ini.

Bagaimanapun, tiada tempoh rehat panjang diberikan kepada atlet terlibat, sebaliknya mereka akan meneruskan rutin latihan seperti biasa di Majlis Sukan Negara (MSN) untuk persediaan menghadapi Sukan Asia 2018 di Indonesia.

Ketua jurulatih kebangsaan Lim Yew Fai berkata kejayaan membawa pulang dua pingat emas merupakan pencapaian di luar jangkannya, yang sebelum itu hanya mensasarkan satu pingat emas sahaja.

Namun, kejayaan itu bukan satu jaminan untuk membolehkan skuad negara berehat panjang walaupun kejohanan tersebut merupakan yang terakhir untuk tahun ini.

"Secara keseluruhan atlet negara beraksi dengan baik cuma terdapat beberapa kesalahan kecil sehingga menggugat pemberian mata. Jadi kami perlu meneruskan latihan kerana untuk mendapatkan teknik serta pergerakan yang lincah bukan satu tugas yang mudah.

"Selepas berakhirnya Sukan SEA Kuala Lumpur (KL2017), pasukan negara hanya mempunyai

tempoh kurang daripada tiga minggu untuk melakukan persiapan sebelum kejohanan dunia. Jadi kita kesuntukan masa untuk melakukan latihan yang sempurna.

"Saya yakin sekiranya persediaan rapi dapat dilakukan maka tidak mustahil kita mampu mengutip lebih banyak pingat," katanya kepada pemberita setelah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dari Kazan hari ini.

Malaysia menamatkan persaingan di Kazan dengan menduduki tempat keempat keseluruhan setelah turut meraih tiga perak dan tiga gangsa. Kuasa tradisi China muncul juara keseluruhan dengan meraih lapan pingat emas.

Sementara itu, Yew Fai mengakui ketika beraksi di Kazan, pasukan-pasukan Asia telah menunjukkan peningkatan yang baik sekali gus Malaysia akan berdepan cabaran hebat ketika beraksi dalam Sukan Asia di Indonesia pada Ogos 2018.

"Ketika di Kazan saya lihat rata-rata pasukan seperti Indonesia semakin meningkat dan itu adalah satu cabaran hebat kepada pasukan Malaysia.

"Jika diikutkan tempoh pertandingan masih jauh tetapi untuk mendapatkan keputusan yang cemerlang, persediaan perlu diteruskan," tegasnya.